

# Meneroka STEM & Pengekodan dengan Kit Maker UNO RBT Tahun 5



# Meneroka STEM & Pengekodan dengan Kit **MAKER UNO** RBT Tahun 5

Ditulis oleh  
Abd Rahim bin Kasiman  
Cheryl Ng

Disemak oleh  
Idris Zainal Abidin

Ilustrasi oleh  
Suhana Oazmi  
Abd Rahim bin Kasiman

Feb 2022 (v1.0)

Diterbitkan oleh




Hak cipta @ 2022 Cytron Technologies  
Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan oleh  
Cytron Technologies Sdn Bhd  
No 1, Lorong Industri Impian 1,  
Taman Industri Impian,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.  
Tel: +604-5480668

Dapatkan kit dari [www.cytron.io/p-standard-5-rbt-uno-project-kit](http://www.cytron.io/p-standard-5-rbt-uno-project-kit)

# Isi Kandungan


Kandungan dalam kotak .....	01
Jom pasang! .....	02
Asas 1 : LED .....	09
Asas 2 : Butang Tekan .....	28
Asas 3 : Pembaz .....	39
Asas 4 : Motor Servo .....	51
Projek 1 : Pagar Keselamatan .....	60
Projek 2 : Lintasan Pelican .....	65
Projek 3 : Pemasa 5 minit .....	71
Projek 4 : Siapa Cepat? .....	85
Projek 5 : Metronom Mekanikal .....	98



# Kandungan dalam Kotak



1 x Maker UNO+  
Wayar USB Micro B




1 x Papan Reka



10 x Wayar jenis  
male - female



10 x Wayar jenis  
male - male



1 x Modul  
Lampu Isyarat



1 x Suis Tekan



1 x Servo  
Motor



1 x Wayar  
sambungan Servo



1 x Buku Panduan Kit RBT



2 x LED Merah  
2 x LED Kuning  
2 x LED Hijau



8 x Rivet Plastik




6 x Perintang 330Ω



# Jom Pasang Perkakasan!


Gambarajah Litar Lengkap



	Wayar	Pin
Suis	Merah	2
	Hitam	GND
Motor Servo	Putih	9
	Merah	5V
	Hitam	GND
Modul Lampu Isyarat	Hitam	GND
	Merah	13
	Kuning	12
	Hijau	11

Imbas untuk tonton video demo pemasangan





1



Ceraikan semua bahagian yang telah dipotong dari kotak.

2

Lekat stiker label pada kepala pin (pin header) Maker UNO seperti yang ditunjukkan.



3



3



Posisikan papan Maker UNO di dalam kotak seperti yang ditunjukkan (sila rujuk lubang pada kotak untuk penjajaran).

4

Masukkan rivet dari luar kotak dan tekan dengan kuat untuk memasang papan Maker UNO pada kotak.







5



Masukkan suis tekan melalui lubang pada bahagian atas kotak. Tolak sehingga ia terpasang di tempatnya.

6

Pasangkan wayar merah pada pin 2 dan wayar hitam pada pin GND pada papan Maker UNO.

Warna Wayar Suis Tekan	Pin Maker UNO
Hitam	GND
Merah	2





7

Masukkan motor servo melalui lubang pada bahagian atas kotak. Tolak sehingga ia terpasang di tempatnya.

8

Sambungkan wayar sambungan servo pada terminal wayar motor servo.


9

Pasangkan wayar putih ke pin 9, wayar merah ke pin kuasa 5V dan wayar hitam ke pin GND pada papan Maker UNO.

Wayar Servo Motor	Wayar Sambungan Servo	Pin Maker UNO
Jingga	Putih	9
Merah	Merah	5V
Coklat	Hitam	GND

Jom Pasang!





10

Ceraikan 4 wayar dan pasangkan pada pin modul lampu isyarat seperti yang ditunjukkan.

11

Posisikan modul lampu isyarat dan masukkan wayar melalui lubang pada bahagian atas kotak.


12

Masukkan rivet dari bahagian dalam kotak dan tekan dengan kuat untuk memasang modul lampu isyarat pada kotak.

Pin pada Modul Lampu Isyarat	Wayar Jenis Male to Female
GND	Hitam
R	Merah
Y	Kuning
G	Hijau

Jom Pasang!





13

Pasangkan wayar hitam pada pin GND, wayar merah pada pin 13, wayar kuning pada pin 12 dan wayar hijau pada pin 11 pada papan Maker UNO.

14

Lekatkan palang yang telah diceraikan dari kotak pada lengan motor servo.


15

Pasangkan pada motor servo. Tadaa... anda telah berjaya menghasilkan sambungan perkakasan.

Wayar Jenis Male to Female	Pin Maker UNO
Hitam	GND
Merah	13
Kuning	12
Hijau	11



# Asas 1: (LED)



# Asas 1: LED



## Perisian (Software)

- Maker UNO boleh diaturcara menggunakan pelbagai platform seperti Arduino IDE, ArduBlock, mBlock dan lain-lain.
- Bagi Modul Kit **MAKER UNO** RBT Tahun 5, kita akan menggunakan perisian mBlock.
- **mBlock** ialah alat perisian pengaturcaraan STEAM yang direka untuk pengaturcaraan bagi kanak-kanak. Ia dibangunkan berdasarkan kod Scratch 3.0 dan Arduino. Ia menyokong bahasa pengaturcaraan berasaskan blok dan teks.




# Instalasi mBlock dan tetapan Kit RBT Tahun 5

1

Buka pelayar internet dan taip pautan bagi <https://mblock.makeblock.com/en-us/download/>

2


Muat turun 'mBlock PC version' dan buat instalasi pada komputer anda. Setelah selesai instalasi, buka perisian mBlock.



# JOM Kenali Fitur Antara Muka mBlock dahulu



**Koleksi Peranti**  
Klik ikon [ + ]  
untuk tambah  
peranti lain.



**Kategori Blok**  
Dapatkan blok  
yang diperlukan  
dari sini.

**Sambungan ke Peranti**  
Klik [ Connect ] untuk membuat  
sambungan dan klik [ Upload ]  
untuk memuat naik atur cara.

**Ruang Kerja**  
Tarik dan susun blok-blok untuk  
membentuk pengaturcaraan  
yang lengkap di ruangan ini.





# Antara Muka mBlock dan arahan blok diagram

Pin: read digital pin 2, read analog pin A0

Events: set digital pin 9 as high

Control: set PWM 5 output as 127

Operators: turn ON LED at pin 13

Variables: push button at pin 2 pressed

My Blocks: play note C4 at pin 8 for 1 beats, set servo pin 9 angle as 90

Pin: when Maker UNO starts up

Events: when push button at pin 2 pressed

Control: (empty)

Operators: (empty)

Variables: (empty)

My Blocks: (empty)

Pin: wait 1 seconds

Events: repeat 10

Control: forever

Operators: if then, if then else, wait until, repeat until

Variables: (empty)

My Blocks: (empty)

Pin: +, -, \*, /

Events: (empty)

Control: pick random 1 to 10

Operators: > 50, < 50, = 50, and, or, not

Variables: join apple banana, letter 1 of apple, length of apple, apple contains a?

My Blocks: mod, round, abs of

extension: +

Pin: (empty)

Events: (empty)

Control: (empty)

Operators: (empty)

Variables: Make a Variable, Make a List

My Blocks: (empty)

Pin: (empty)

Events: (empty)

Control: (empty)

Operators: (empty)

Variables: (empty)


My Blocks: Make a Block


Blok diagram diwakili oleh kategori mengikut warna. Contohnya, blok diagram berwarna biru mewakili fungsi pada papan Maker UNO, manakala warna hijau mewakili keputusan logik.



# Menambah Peranti Kit RBT Tahun 5 pada mBlock


3

Pada tab Devices, klik butang '  ' bagi menambah modul Kit RBT tahun 5.




# Menambah Peranti Kit RBT Tahun 5 pada mBlock

- 4 Tetingkap bagi 'Device Library' akan muncul, cari modul 'RBT Tahun 5'.
- 5 Klik tanda '+' bagi memuat turun modul tersebut.
- 6 Klik tanda '\*' untuk menetapkan peranti yang selalu digunakan. Klik OK.



# Perkakasan LED

- LED (*Light Emitting Diode*) atau diod pemancar cahaya adalah komponen elektronik yang akan memancarkan cahaya sekiranya LED diberi sumber bekalan kuasa.
- Kebiasaannya, pengujian kerlipan LED digunakan untuk memeriksa sama ada papan mikro pengawal berfungsi dengan baik.




LED Merah 5mm



Modul Lampu Isyarat



# Pendawaian LED




## PSEUDOKOD

**MULA**  
**ON** LED merah  
**TUNGGU** 1 saat  
**OFF** LED merah  
**TUNGGU** 1 saat  
**TAMAT**

## Struktur Kawalan Jujukan

## CARTA ALIR



Warna Wayar	Pin Maker UNO
Hitam	GND
Merah	13
Kuning	12
Hijau	11


Kita akan mengaturcara mengikut pseudokod di atas.



# Pengaturcaraan bagi LED


1

Klik ikon [RBT Tahun 5] di Tab Devices.



2

Klik kategori [Events] dan seret keluar blok **when Maker UNO starts up** ke ruang aturcara.




# Pengaturcaraan bagi LED

3

Klik kategori [Pins] dan seret keluar blok


 ke ruang aturcara.



4

Klik kategori [Control] dan seret keluar blok


blok  ke ruang aturcara.



## Pengaturcaraan bagi LED

5

Klik KANAN pada blok [turn (ON) LED as pin (13)] untuk mengeluarkan menu. Pilih '**Duplicate**' dan susun blok terhasil seperti pada gambarajah di sebelah.



Ubah status dari ON kepada OFF seperti dalam gambarajah.

**TAHNIAH!** Anda telah berjaya menulis aturcara bagi kerlipan LED. Namun begitu, aturcara MESTI dimuat naik untuk melihat hasilnya pada Maker UNO.

Mari teruskan langkah seterusnya dengan memuat naik aturcara kepada Maker UNO.





# Memuat naik aturcara LED


6

Sambungkan perkakasan ke komputer menggunakan wayar USB dibekalkan.



7


Pada tab Devices, klik  Connect .




# Memuat naik aturcara LED


8

Tetingkap bagi USB akan muncul. Pilih nombor [**Com**] yang betul mengikut perkakasan yang disambung. Klik [**Connect**] setelah selesai memilih.



9

Pada tab Devices, akan muncul butang  Upload. Klik butang itu untuk memuat naik aturcara.



# Asas Rekabentuk Pengaturcaraan




Wow! Anda telah berjaya memuat naik aturcara pertama anda. Tetapi LED tersebut hanya membuat 1 kerlipan sahaja.

Di dalam buku teks anda, ini dikenali sebagai **struktur kawalan jujukan** dimana ianya melakukan arahan tersebut untuk sekali sahaja.

Seterusnya, mari kita membuat kerlipan LED secara berulang.

Untuk itu, kita perlu menambah satu arahan pada aturcara untuk menukar **struktur kawalan jujukan** kepada **struktur kawalan ulangan**.

## CARTA ALIR



Struktur Kawalan Ulangan




# Struktur Kawalan Ulangan

10

Klik kategori **[Control]** dan pilih blok




. Letakkan blok itu di bawah blok **[When Maker UNO starts up]**.



11

Pastikan aturcara sebelum ini berada di dalam blok **[forever]**. Klik **[Upload]** dan buat pemerhatian pada kerlipan LED.



# Menyimpan dan Membuka Fail Baru



Sebelum menulis aturcara yang baru, **amalan** yang baik adalah untuk menyimpan dahulu aturcara sebelum ini supaya mudah untuk dirujuk pada masa akan datang.


Pembelajaran seterusnya adalah untuk menyimpan dan kaedah untuk membuka fail baru untuk aturcara seterusnya.



# Menyimpan dan Membuka Fail Baru


12

Klik [**File**] pada bar menu dan pilih [**Save to your computer**].



13


Pilih lokasi yang sesuai untuk menyimpan fail dan taipkan nama projek di ruangan "File name". Setelah itu, klik [**Save**].



26




# CABARAN LED!



Bolehkah anda membuat aturcara bagi jujukan di atas menggunakan **Struktur Kawalan Ulangan**?



# Asas 2: Butang Tekan






# Asas 2: Butang Tekan



Tahukah anda bahawa papan Maker UNO mempunyai butang tekan yang telah diwayarkan kepada pin 2?

Oleh kerana Maker UNO akan berada didalam kotak Kit RBT, maka butang tekan pada Maker UNO tidak boleh diakses dan memerlukan pendawaian luaran.




# Asas 2: Butang Tekan



## Perkakasan Butang Tekan

- Perkakasan yang akan digunakan adalah butang tekan jenis 2 pin.
- Ia memberikan isyarat digital kepada Maker UNO.




Warna Wayar	Pin Maker UNO
Hitam	GND
Merah	2



# Pengaturcaraan bagi Butang Tekan


1

Klik kategori **[Events]** dan seret keluar blok **when push button at pin 2 pressed** ke ruang aturcara.



2


Klik kategori **[Pin]** dan seret keluar blok **turn ON LED at pin 13** ke ruang aturcara.



# Pengaturcaraan bagi Butang Tekan


3

Klik kategori **[Control]** dan seret keluar blok **wait 1 seconds** ke ruang aturcara. Tukar bilangan saat kepada tiga (3).




4

Klik kategori **[Pin]** dan seret keluar blok **turn ON LED at pin 13** ke ruang aturcara. **TUKAR** arahan dari **ON** kepada **OFF**.



# Pengaturcaraan bagi Butang Tekan

5

Muat naik aturcara anda ke Maker UNO dengan menekan butang  .

Buat pemerhatian terhadap lampu LED sewaktu butang tekan diaktifkan.



Tahniah, anda telah berjaya mengaturcara butang tekan untuk menyalakan lampu dan menarik perhatian rakan sekeliling anda.

Namun begitu, orang di sekeliling tidak tahu bahawa Kit RBT tersebut berada dalam keadaan bersedia.

Bolehkah anda mengaturcara lampu berkelip dengan selang masa 0.1 saat pada sambungan LED Hijau sekiranya butang tekan tidak aktif?



# Asas Rekabentuk Pengaturcaraan



Bagi menjawab persoalan di halaman sebelum ini, pelajar perlu membuat keputusan sekiranya butang ditekan, apakah yang akan berlaku pada sistem.


Di dalam buku teks anda, ini dikenali sebagai **struktur kawalan pilihan** dimana ianya akan melaksanakan arahan mengikut pilihan daripada syarat.

**JOM** kita mengaturcara **struktur kawalan pilihan** dengan menggunakan arahan 'IF'.



# Carta alir Struktur Kawalan Pilihan

Syarat dalam bentuk soalan 'ya' atau 'tidak'.



# Pengaturcaraan bagi Struktur Kawalan Pilihan

1




2



3




4





# Pengaturcaraan bagi Struktur Kawalan Pilihan

5




Sekiranya butang ditekan, LED merah akan menyala selama 3 saat kemudian padam.

Sekiranya butang tidak ditekan, maka LED hijau akan berkelip dengan selang masa 0.1 saat.




# CABARAN BUTANG TEKAN!



Butang tekan diaktifkan?




# Asas 3: Pembaz



# Asas 3: Pembaz


## Perkakasan Pembaz

- Perkakasan yang akan digunakan adalah pembaz piezoelektrik.
- Ia memerlukan denyutan dengan frekuensi tertentu untuk menghasilkan bunyi.
- Pembaz yang digunakan telah terbina dalam maker UNO disambung ke pin 8.



Suis untuk ON/OFF pembaz


Pembaz



# Pengaturcaraan bagi Lagu


1

Klik kategori **[Events]** dan seret keluar blok **when push button at pin 2 pressed** ke ruang aturcara.



2

Klik kategori **[Pin]** dan seret keluar blok **play note C4 at pin 8 for 1 beats** ke ruang aturcara.




# Penerangan



Anda boleh mengaturcara Maker UNO untuk memainkan lagu. Namun begitu, anda perlu mengaturcara mengikut setiap nota muzik bagi lagu itu.

Semakin tinggi kedudukan nota muzik pada staf muzik, semakin tinggi nada yang dimainkan.



```
play note C4 at pin 8 for 1 beats
```

Nota muzik

Pin


Detik



# Pengaturcaraan bagi Lagu

3

Keluarkan blok muzik sebanyak 6 unit lagi dan pilih nota muzik dan detik mengikut gambarajah di sebelah.




4

Muat naik aturcara dan tekan suis bagi memainkan muzik pada Maker UNO anda.



# Menulis Nota Muzik mengikut Jadual



**Tahniah!** Anda telah berjaya mengaturcara Maker UNO untuk memainkan lagu. Adakah anda kenal akan lagu yang diaturcara tadi?

Ya betul, lagu yang diaturcara adalah Twinkle-twinkle Little Star. Tetapi, lagu yang dimainkan adalah sebahagian sahaja.

**Mari** kita aturcara lagu tersebut sehingga lengkap. Pelajar-pelajar boleh mengikuti jadual lagu disebelah untuk melengkapkan lagu Twinkle-twinkle Little Star.

**Twinkle Twinkle Little Star**

Twinkle, twin-kle, lit - tle star, how I won-der what you are!

5  
Up a - bove the sky so high, like a dia-mond in the sky.

9  
Twin-kle, twin-kle, lit - tle star, how I won-der what you are!

The musical notation is presented in three staves. The first staff starts with a treble clef and a common time signature (C). The notes are quarter notes. The lyrics are written below the notes. The second staff starts with a '5' above the first note. The third staff starts with a '9' above the first note. The lyrics are written below the notes.



# Menulis Nota Muzik mengikut Jadual

## Twinkle-twinkle Little Star



Nota	C4	C4	G4	G4	A4	A4	G4
Detik	1	1	1	1	1	1	2
Nota	F4	F4	E4	E4	D4	D4	C4
Detik	1	1	1	1	1	1	2
Nota	G4	G4	F4	F4	E4	E4	D4
Detik	1	1	1	1	1	1	2
Nota	G4	G4	F4	F4	E4	E4	D4
Detik	1	1	1	1	1	1	2
Nota	C4	C4	G4	G4	A4	A4	G4
Detik	1	1	1	1	1	1	2
Nota	F4	F4	E4	E4	D4	D4	C4
Detik	1	1	1	1	1	1	2

Ulangan

Rangkap yang sama berulang


# Pengaturcaraan bagi Lagu

5

Salin aturcara disebelah mengikut blok bagi nota muzik dan detik tertentu.

Kita telah selesaikan 2 rangkap bagi lagu Twinkle-twinkle Little Star.

Mari kita sambung kepada rangkap ke-3 menggunakan Blok REPEAT kerana ianya akan diulang sebanyak 2 kali dalam lagu tersebut.



The image shows a Scratch script for a microcontroller. It starts with a yellow 'when push button at pin 2 pressed' block. This is followed by a blue 'REPEAT' block set to 2 iterations. Inside the repeat block, there are 14 'play note' blocks. The notes and their durations are: C4 (1 beat), C4 (1 beat), G4 (1 beat), G4 (1 beat), A4 (1 beat), A4 (1 beat), G4 (2 beats), F4 (1 beat), F4 (1 beat), E4 (1 beat), E4 (1 beat), D4 (1 beat), D4 (1 beat), and C4 (2 beats).




# Pengaturcaraan bagi Lagu

6

Klik kategori **[Control]** dan pilih **[repeat]**.

Ubah nilai repeat kepada 2 kali.

Salin aturcara bagi rangkap ke-3 nota muzik mengikut detik tertentu.



The screenshot displays a Scratch script starting with the event 'when Maker UNO starts up'. It contains a sequence of 14 'play note' blocks: C4 (1 beat), C4 (1 beat), G4 (1 beat), G4 (1 beat), A4 (1 beat), A4 (1 beat), G4 (2 beats), F4 (1 beat), F4 (1 beat), E4 (1 beat), E4 (1 beat), D4 (1 beat), D4 (1 beat), and C4 (2 beats). Below this sequence is a 'repeat' block set to 2 iterations, which contains a copy of the last three notes: G4 (1 beat), F4 (1 beat), and D4 (2 beats). A red box highlights the 'repeat' block and its contents.



# Pengaturcaraan bagi Lagu

7

Setelah itu, salin semula bagi rangkap ke-5 dan ke-6.

Rangkap ke-5 dan ke-6 mempunyai nota muzik yang sama dengan rangkap 1 dan 2.

Pengguna boleh menggunakan teknik 'duplicate' bagi mempercepatkan proses menyalin nota muzik.

```
when Maker UNO starts up
  play note C4 at pin 8 for 1 beats
  play note C4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 1 beats
  play note A4 at pin 8 for 1 beats
  play note A4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 2 beats
  play note F4 at pin 8 for 1 beats
  play note F4 at pin 8 for 1 beats
  play note E4 at pin 8 for 1 beats
  play note E4 at pin 8 for 1 beats
  play note D4 at pin 8 for 1 beats
  play note D4 at pin 8 for 1 beats
  play note C4 at pin 8 for 2 beats

repeat 2
  play note G4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 1 beats
  play note F4 at pin 8 for 1 beats
  play note F4 at pin 8 for 1 beats
  play note E4 at pin 8 for 1 beats
  play note E4 at pin 8 for 1 beats
  play note D4 at pin 8 for 2 beats

7
  play note C4 at pin 8 for 1 beats
  play note C4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 1 beats
  play note A4 at pin 8 for 1 beats
  play note A4 at pin 8 for 1 beats
  play note G4 at pin 8 for 2 beats
  play note F4 at pin 8 for 1 beats
  play note F4 at pin 8 for 1 beats
  play note E4 at pin 8 for 1 beats
  play note E4 at pin 8 for 1 beats
  play note D4 at pin 8 for 1 beats
  play note D4 at pin 8 for 1 beats
  play note C4 at pin 8 for 2 beats
```



# Pengaturcaraan bagi Lagu

8

Muat turun aturcara dan tekan suis untuk mendengar muzik penuh bagi lagu Twinkle-twinkle Little Star.



# CABARAN MUZIK!



Pernahkah anda mendengar lagu 'Are You Sleeping' sewaktu di pra sekolah? Mari kita aturcara Maker UNO bagi memainkan lagu tersebut mengikut not-not yang diberi.

<b>Nota</b>	C4	D4	E4	C4
<b>Detik</b>	1/2	1/2	1/2	1/2

Ulang 2x

Tunggu 0.1s

<b>Nota</b>	E4	F4	G4	Tunggu 0.1s
<b>Detik</b>	1/2	1/2	1/2	

Ulang 2x

<b>Nota</b>	G4	A4	G4	F4	E4	C4
<b>Detik</b>	1/4	1/4	1/4	1/4	1/2	1/2


Ulang 2x

<b>Nota</b>	C4	A3	C4	Tunggu 0.1s
<b>Detik</b>	1/2	1/2	1/2	

Ulang 2x



# Asas 4: Motor Servo




# Asas 4: Motor Servo



## Perkakasan Motor Servo

- Perkakasan yang akan digunakan adalah motor servo RC.
- Motor servo digunakan untuk menggerakkan aci pada satu sudut yang tepat dalam julat 180°.

Warna Wayar	Pin Maker UNO
Putih	9
Merah	5V
Hitam	GND





# Penentukuran bagi Motor Servo

Kebiasaannya, motor servo yang baru, tidak dipasang dengan servo horn. Oleh itu, pengguna perlu membuat penentukuran bagi mendapatkan sudut yang tepat sebelum memasang servo horn pada servo motor. Cara untuk membuat penentukuran adalah seperti berikut:

1

Tulis aturcara blok diagram di bawah untuk mendapatkan sudut  $90^\circ$  dan muat naik pada Maker UNO anda.



2

Pasang servo horn anda selari dengan servo motor seperti dalam gambarajah. Skru servo horn jika perlu.



Servo horn




Kedudukan servo horn  $90^\circ$



# Pengaturcaraan bagi Motor Servo

Bagi mengawal pergerakan servo motor, pengguna hanya perlu menyatakan nilai sudut yang perlu digerakkan dalam aturcara mBlock.

Arah servo horn




```
when push button at pin 2 pressed
  set servo pin 9 angle as 0
  wait 1 seconds
  set servo pin 9 angle as 90
  wait 1 seconds
  set servo pin 9 angle as 180
  wait 1 seconds
```

## Struktur Kawalan Pilihan

Aturcara di atas adalah dalam struktur kawalan pilihan dimana sekiranya butang tekan diaktifkan, motor servo akan bergerak mengikut sudut yang telah ditentukan seperti dalam gambarajah.

## CARTA ALIR



# Pengaturcaraan bagi Motor Servo

Aturcara sebelum ini HANYA meletakkan nilai pada arahan blok servo. **MARI** kita bina **struktur kawalan ulangan** melibatkan sudut servo. Servo akan bergerak dari 0° ke 180° dan kembali semula ke 0°. Ini dikenali sebagai "servo sweep".

1



Bina blok diagram di atas dan muat turun ke Maker UNO untuk menguji kefungsiannya.

Nilai 0 yang dimasukkan adalah nilai tetap. Kita perlu mengubah nilai tersebut tanpa melibatkan bantuan insani. Oleh itu, penggunaan pembolehubah (*variable*) akan diperkenalkan dalam pengaturcaraan.


Elakkan memusing servo horn motor menggunakan tangan kerana ianya boleh merosakkan motor tersebut.



# Pengaturcaraan bagi Motor Servo


2

Pada kategori [Variables], klik kotak [Make a Variable].



3

Satu paparan akan muncul. Taipkan nama pembolehubah yang sesuai dan klik OK.



# Pengaturcaraan bagi Motor Servo

4

Kini, anda sudah mempunyai blok yang berwarna oren bagi mewakili sebarang penggunaan pembolehubah.

```
when push button at pin 2 pressed
  set sudut to 0
  forever
    repeat 180
      set servo pin 9 angle as sudut
      change sudut by 1
      wait 0.05 seconds
```

```
Make a Variable
  sudut
  set sudut to 0
  change sudut by 1
  show variable sudut
  hide variable sudut
  Make a List
```

Bina blok diagram disebelah. Pembolehubah 'sudut' diperkenalkan dengan nilai awalan 0. Jika butang tekan diaktifkan, servo akan bergerak pada nilai terkini 'sudut' iaitu 0 dan nilai itu ditambah dengan 1 menjadikan nilai 'sudut' terkini adalah 1. Nilai 'sudut' akan sentiasa ditambah sehingga 180 kali kerana menggunakan arahan repeat 180.

5



# Pengaturcaraan bagi Motor Servo

6

Aturcara dibawah menggerakkan servo dari  $0^\circ \rightarrow 180^\circ \rightarrow 0^\circ$  dengan selang masa 0.05 saat.


```
when push button at pin 2 pressed
  set sudut to 0
  forever
    repeat 180
      set servo pin 9 angle as sudut
      change sudut by 1
      wait 0.05 seconds
    repeat 180
      set servo pin 9 angle as sudut
      change sudut by -1
      wait 0.05 seconds
```

Servo bergerak dari  $0^\circ \rightarrow 180^\circ$  dengan nilai tambahan 1 bagi setiap 0.05 saat

Servo bergerak dari  $180^\circ \rightarrow 0^\circ$  dengan nilai tambahan -1 bagi setiap 0.05 saat




# CABARAN SERVO!




Baca dan fahamkan carta alir di bawah.  
Cuba program Maker UNO anda untuk menggerakkan servo apabila butang ditekan. Jika butang tidak ditekan, LED merah akan berkelip menunjukkan sistem sedang aktif.

## CARTA ALIR



**Projek 1:**

# Pagar Keselamatan







**TAHNIAH!** Anda telah berjaya menyelesaikan Asas 1 sehingga Asas 4.

Kini, anda telah bersedia untuk membina Projek 1 sehingga Projek 5 dengan panduan dari buku ini.

**MARI** kita mulakan untuk membina aturcara bagi Projek 1 iaitu Pagar Keselamatan.


Sila ikuti carta alir yang mempunyai struktur pilihan dan struktur ulangan di slaid seterusnya.



**Projek 1: Pagar Keselamatan** adalah berasaskan kepada kawalan servo bagi menghalang orang luar dari memasuki halaman rumah. Pengguna di dalam rumah akan menekan butang bagi membolehkan tetamu yang dikenali untuk masuk ke kawasan halaman rumah.



### CARTA ALIR




## Memeriksa reaksi butang sekiranya tidak ditekan

1



Sediakan template struktur kawalan ulangan dan pilihan sekiranya butang tekan diaktifkan.

2



Sekiranya butang tidak ditekan, LED merah ON dan LED hijau OFF. Pagar dalam kedudukan menghalang.



## Memeriksa reaksi tombol sekiranya ditekan

3



Sekiranya tombol tekan diaktifkan, LED merah akan OFF manakala LED hijau akan ON.

Ada indikatif pembaz dan pagar akan dibuka selama 3 saat.

Setelah itu, pagar akan berada dalam kedudukan menghalang.



## Projek 2:

# Lintasan Pelican




**Wow!** Anda telah berjaya untuk sampai ke Projek 2. **Projek 2: Lintasan Pelican** merupakan lintasan pada lampu isyarat bagi pejalan kaki dimana mereka perlu menekan butang untuk melintasi jalan tersebut.



Gambar Lintasan Pelican: (Sumber: <https://www.bloomberg.com/> Puffins, Pelicans, and Toucans)

## Carta Alir Projek 2: Lintasan Pelican



Daripada carta alir disebelah, didapati bahawa kesemua struktur yang dipelajari dalam RBT T5 digunakan iaitu:

- Struktur Kawalan Jujukan
- Struktur Kawalan Ulangan
- Struktur Kawalan Pilihan

Ketiga-tiga struktur tersebut biasa digunakan dalam pembinaan aturcara.




## Memeriksa reaksi butang tekan

- Aturcara sentiasa memberi arahan untuk menghidupkan LED hijau supaya kereta bergerak sentiasa sekiranya butang tidak ditekan oleh pejalan kaki. **UPLOAD DAN UJI**




- Sekiranya butang ditekan, LED hijau akan padam dan LED kuning akan hidup untuk memaklumkan pemandu supaya bersedia untuk berhenti dalam masa 3 saat. **UPLOAD DAN UJI**





## Menambah jujukan bagi LED



- Aturcara akan mengulangi untuk jujukan LED merah bagi tempoh masa 5 saat.
- Setelah itu, LED merah akan padam dan blok arahan ulangan bersyarat bagi 5 kali disediakan untuk kerlipan LED kuning.

UPLOAD DAN UJI

Tahukah anda bahawa nama lintasan Pelican adalah berasal dari nama Pelicon bermaksud 'Pedestrian Light Controlled'.



## Membuat ulangan bagi LED kuning

```
when Maker UNO starts up
  forever
    if push button at pin 2 pressed then
      turn OFF LED at pin 11
      turn ON LED at pin 12
      wait 3 seconds
      turn OFF LED at pin 12
      turn ON LED at pin 13
      wait 5 seconds
      turn OFF LED at pin 13
      repeat 5
        turn ON LED at pin 12
        wait 1 seconds
        turn OFF LED at pin 12
        wait 1 seconds
      else
        turn ON LED at pin 11
```


- LED kuning akan berkelip dengan selang masa 1 saat.
- Jika ingin menambah kesan bunyi sewaktu LED kuning menyala, anda boleh melakukannya sewaktu LED kuning sedang menyala seperti dibawah. **UPLOAD DAN UJI**

```
repeat 5
  turn ON LED at pin 12
  play note C4 at pin 8 for 1/4 beats
  play note D4 at pin 8 for 1/4 beats
  wait 1 seconds
  turn OFF LED at pin 12
  wait 1 seconds
```



# Projek 3:

## Pemasa 5 minit



**Tahniah** kerana berjaya menyiapkan dua projek dalam buku ini. Projek seterusnya adalah **Projek 3: Pemasa 5 minit**. Projek ini akan mengukur masa dengan menggunakan pergerakan servo sebagai ukuran saat dan nyalaan LED sebagai ukuran minit bagi maksimum 5 minit. Jom kita bina projek Pemasa 5 minit ini...



Gambar Pemasa Analog:  
(Sumber: <https://www.ijstech.com/> 60-Minute Analog Timer)




Gambar Pemasa Digital:  
(Sumber: <https://www.bigspoon.my/> Sunnex Digital Kitchen Timer)

## Konsep Asas Projek Pemasa 5 Minit


1. Dalam Asas 4: Jom Pusing-pusing, anda telah mempelajari tentang pergerakan servo. Ianya mampu bergerak dalam julat  $180^\circ$ .
2. Sekiranya julat tersebut ingin diwakili oleh nilai 60 saat, maka kita perlu mengira sudut yang perlu digerakkan bagi mewakili 1 saat iaitu:

$$\text{Sudut bagi 1 saat} = \frac{180^\circ}{60s} = 3^\circ/\text{saat}$$

3. Oleh itu, kita perlu menggerakkan sudut servo  $3^\circ$  sebanyak 60 kali mewakili nilai 1 minit. Jom kita bina aturcara berdasarkan kepada spesifikasi ini dahulu.



## Carta Alir Projek 3: Pemasa 5 Minit



Daripada carta alir disebelah, didapati bahawa kesemua struktur yang dipelajari dalam RBT T5 digunakan iaitu:


- Struktur Kawalan Jujukan
- Struktur Kawalan Ulangan
- Struktur Kawalan Pilihan



## Membuat tetapan awal servo dan LED



- Aturcara sentiasa memeriksa sekiranya butang ditekan.




- Membuat tetapan awal kedudukan servo pada 0° dan memberikan tempoh masa 1 saat untuk mencapai posisi itu.
- Menghidupkan LED merah untuk menyatakan sistem dalam keadaan sedia.

UPLOAD DAN UJI



## Menguji reaksi butang tekan




- Menyediakan pembolehubah 'sudut' mewakili sudut semasa dengan nilai awal 0.
- Menyediakan pembolehubah 'sudut/saat' dengan nilai awalan 3.' Ini adalah nilai tetap bagi  $3^\circ/\text{saat}$ . ( $180^\circ / 60 \text{ saat} = 3^\circ/\text{saat}$ )
- Sekiranya butang ditekan, maka LED merah akan padam dan aturcara akan sentiasa berada dalam keadaan loop sentiasa. **UPLOAD DAN UJI**





## Membuat servo sweep




- Aturcara akan sentiasa melakukan ulangan sebanyak 60 kali mewakili 60 saat. Isi kandungan ulangan itu adalah:
  - Menggerakkan servo kepada nilai semasa sudut.
  - Menunggu 1 saat.
  - Menambah nilai semasa sudut kepada 3.
  - Membunyikan nota D4 pada detik 1/16.
- Setelah selesai ulangan 60 kali, nilai pembolehubah sudut/saat akan diubah dari 3 menjadi -3.
- Aturcara akan mengulangi dengan menggunakan nilai sudut/masa yang baru.
- Setiap kali selesai 60 ulangan, nilai pembolehubah sudut/masa akan disongsangkan.

UPLOAD DAN UJI



## Cadangan paparan visual LED

4. Setelah servo mencapai nilai  $180^\circ$ , kita perlu membuat paparan bagi minit. Cadangan paparan bagi minit dengan menggunakan 3 LED adalah seperti di bawah:




